

Tuntutan Caruman KWSP Suami Melalui Hak Syarak Isteri Menurut Perspektif Maqasid Syariah

BITARA

Volume 5, Issue 1, 2022: 185-195
 © The Author(s) 2022
 e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
 Received: 23 February 2022
 Accepted: 21 March 2022
 Published: 31 March 2022

[Claim on Husband's EPF Contribution Through the Wife's Shariah Right According to The Perspective of Maqasid Syariah]

Muhammad Adilah Supardan¹ & Md Yazid Ahmad¹

¹ Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
 E-mail: yazid@ukm.edu.my

* Corresponding Author: yazid@ukm.edu.my

Abstrak

Pihak-pihak dalam perkahwinan khususnya isteri mempunyai hak untuk menuntut harta sepencarian ke atas semua harta yang diperoleh dalam tempoh perkahwinan. Tuntutan itu boleh dibuat semasa dalam perkahwinan (poligami), perceraian, selepas berlaku kematian ataupun murtad. Antara harta yang sering dituntut oleh pasangan sebagai harta sepencarian ialah wang caruman KWSP walaupun tuntutan tersebut seringkali ditolak oleh Mahkamah Syariah kerana terdapatnya kekangan undang-undang khususnya Akta KWSP 1991 (Akta 452). Justeru, timbul persoalan tentang kedudukan wang caruman KWSP suami sama ada boleh dituntut oleh isteri atau tidak? Justeru itu, objektif artikel ini adalah untuk membincangkan kedudukan tuntutan ini dari sudut 'hak syarak isteri' menurut perspektif maqasid syariah. Kajian kualitatif ini menggunakan pendekatan analisis kandungan dalam pengumpulan data dan penganalisisan dipersembahkan secara deskriptif. Hasil kajian mendapati bahawa tuntutan ke atas KWSP suami adalah lebih sesuai dalam konteks 'tuntutan hak syarak isteri' berbanding 'tuntutan hak harta sepencarian' di Mahkamah Syariah dan bertepatan dengan maqasid syariah.

Kata kunci: tuntutan, hak syarak, harta sepencarian, maqasid syariah, caruman KWSP.

Abstract

Parties to a marriage in particular the wife has a right to claim jointly acquired assets on all properties which were obtained within the period of the marriage. The claim can be made while in marriage (polygamy), divorce, after death of a party to the marriage and in the case of apostasy. One of the assets often claimed by a spouse is Employee Provident Fund (EPF) contribution even though such claims were always rejected by the Syariah Court because of legal obstacles particularly the Akta KWSP 1991 (Akta 452). A question arises on the status of the monetary contribution in EPF of the husband as to whether or not it can be claimed by the wife. Hence, it is the objective of this article to deliberate the status of such claims from the angle of 'wife's shariah right' according to the perspective of maqasid syariah. This qualitative study employed a content analysis approach in data gathering and analysis which are descriptively presented. It was found that claims on the husband's EPF contribution can be made more suitably in the context of 'claim for wife's shariah right' compared to 'claim on jointly acquired assets' in the Syariah Court in line with maqasid syariah.

Keywords: claim, shariah right, jointly acquired property, maqasid syariah, EPF contribution

Cite This Article:

Muhammad Adilah Supardan & Md Yazid Ahmad. 2022. Tuntutan Caruman KWSP Suami Melalui Hak Syarak Isteri Menurut Perspektif Maqasid Syariah [Claim on Husband's EPF Contribution Through the Wife's Shariah Right According to The Perspective of Maqasid Syariah]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(1): 185-195.

Pengenalan

Perkahwinan merupakan salah satu anugerah terbesar yang telah diberikan oleh Allah SWT kepada hambaNya. Namun begitu, kadang kala berlakunya perselisihan faham antara pasangan suami isteri yang membawa kepada perceraian, maka harta yang dikumpulkan dalam tempoh perkahwinan tersebut boleh dituntut sebagai harta sepencarian. Menurut Ahmad et. al (2020), harta sepencarian bukan sahaja boleh dituntut semasa atau selepas berlakunya perceraian hidup ataupun kematian tetapi juga semasa perkahwinan masih berjalan iaitu semasa permohonan poligami ataupun setelah berlaku poligami dan juga jika berlaku pertukaran agama (murtad) salah satu pihak dalam perkahwinan. Justeru, timbul persoalan tentang kedudukan wang caruman KWSP suami, sama ada boleh dituntut oleh isteri atas dasar harta sepencarian atau ada dasar yang lain?

Perubahan zaman yang semakin maju secara tidak langsung mempengaruhi kehidupan manusia yang menjadikan tuntutan hak ke atas suami isteri semakin berkembang. Sehubungan dengan itu, terdapat satu keputusan kes Mahkamah Syariah dalam kes *Timah Binti Sulaiman lwn Abdul Rahman Bin Ayob* 14 [2001] 2 JH 297 yang menyatakan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) adalah sebagai harta sepencarian. Ini bertentangan dengan fatwa Muzakarah Majlis Hal Ehwal Agama Islam yang menetapkan bahawa caruman wang KWSP ini sebagai harta pusaka (Bahagian Penyelidikan JAKIM t.th). Dalam mesyuarat Majlis Raja-Raja yang ke-96 yang diadakan pada 20 September 1973, Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam telah memberi pendapat dan dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja bahawa:

Penama-penama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Wang Simpanan Pejabat Pos, Bank, Insurans dan Syarikat Kerjasama adalah sebagai orang-orang yang melaksanakan wasiat si mati atau wasi. Mereka boleh menerima wang si mati dari sumber-sumber tersebut untuk dibahagikan kepada orang-orang yang berhak menurut pembahagian Faraid.

Kemudian Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan pada 19 September 2000 memutuskan bahawa: Wang KWSP yang disimpan adalah pusaka yang mesti dibahagikan mengikut hukum faraid dan penama KWSP adalah wasi atau pentadbir harta. Penama hendaklah membahagikan wang KWSP (peninggalan si mati) mengikut hukum faraid.

Apatah lagi kedudukan wang caruman KWSP yang dilindungi oleh Akta KWSP 1991 (Akta 452) melalui peruntukan seksyen 51 dan seksyen 54 yang tidak membolehkan wang caruman tersebut diserahkan, dipindah atau ditahan untuk apa-apa maksud apa pun oleh manapun pihak sekalipun atau dengan kata lain, tidak boleh dikeluarkan sewenang-wenangnya (Suwaid Tapah 2003) termasuk dalam konteks tuntutan harta sepencarian.

Namun begitu, usaha tuntutan wang caruman KWSP atas dasar harta sepencarian ini dilihat semakin berkembang apabila melihat kepada wujudnya rantaian kes-kes yang telah diputuskan berkaitan dengannya seperti kes *Che Mas Abdullah lwn. Mat Sharie Yaakob* [2005]

19 JH 1 32; *Norhayati binti Yusoff lwn Ahmad Shah Bin Ahmad Tabarani* [2008] 27 JH 1 30; *Noridah binti Ab Talib lwn Hishamuddin bin Jamaluddin* [2009] JH 29 2 213 dan kes *NZ Lwn MKIK* [2018] [Kes Mal Bil: 10000-017-0011 2017] yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah di Shah Alam. Walau bagaimanapun, semua kes tersebut yang dibuat atas dasar tuntutan harta sepencarian telah ditolak oleh Mahkamah Syariah.

Namun demikian, dalam keadaan tertentu, tuntutan ke atas caruman KWSP ini dibenarkan oleh pihak mahkamah seperti kedudukan suami yang tidak memiliki harta dan isteri boleh mengemukakan tuntutan melalui ‘hak syaraknya’ jika suaminya tidak melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang suami (Suwaid Tapah 2010). Situasi ini sekaligus telah mengundang kekeliruan dalam kalangan masyarakat Islam. Berikutan dengan itu, objektif artikel ini adalah untuk melihat keharusan tuntutan caruman KWSP suami melalui ‘hak syarak isteri’ menurut perspektif *maqasid al-syariah*.

Diskusi Ringkas *Maqasid Syariah*

Sudut bahasa, *maqasid syari’ah* terdiri daripada dua gabungan perkataan iaitu *maqasid* dan *syari’ah*. Perkataan *maqasid* adalah jama’ untuk *maqsid* yang bermaksud tujuan (*al- maqsid*) dan maksud (*al maqsud*), di mana kedua-dua perkataan ini berkongsi makna yang sama (al-Raysuni 2014). Manakala syariah berasal daripada perkataan syarak yang bermaksud jalan atau penjelasan (Khalil al-Jur 1973) atau jalan yang sering dilalui oleh manusia bagi memperolehi air untuknya atau binatang ternaknya (Ibn Manzur 1984).

Adapun syariah, menurut Zaydan (2002) bermaksud jalan yang lurus atau boleh diertikan sebagai manhaj. Sudut istilah, syariah adalah hukum yang telah ditetapkan oleh Allah SWT ke atas hambaNya. Syariah juga boleh disebut sebagai *al-Din* dan *al-Milah* yang membawa satu maksud yang sama.

Justeru itu, *maqasid syariah* adalah salah satu istilah yang terdiri daripada kesan perkembangan sejarahnya yang tersendiri seperti mana perkembangan ilmu-ilmu yang lain. Sebagai contoh perkembangan ilmu usul fiqh dan ilmu fiqh. *Maqasid syariah* telah mengalami perkembangan yang hebat dari satu zaman ke zaman yang lain. Pelbagai definisi *maqasid syariah* yang telah diberikan oleh para ilmuwan Islam. Antara definisi-definisi itu adalah:

1. Ibn Asyur (2001), *maqasid syari’ah* adalah makna dan hikmah yang diletakkan oleh syarak dalam kesemua hukum atau sebahagian hukum syarak dengan tidak mengkhususkan kepada hukum syarak yang tertentu.
2. al-Zuhayli (2014), *maqasid syari’ah* adalah makna-makna dan tujuan yang dijaga oleh syarak dalam kesemua hukum atau kebanyaknya. Ia adalah tujuan syarak dan rahsia yang telah ditetapkan oleh Allah SWT untuk setiap hukum daripada hukum-hukumnya.
3. al-Raysuni (2014), menyebut *maqasid syari’ah* ialah tujuan atau keputusan atau faedah daripada syarak dalam meletakkan hukum-hukum syarak. Maqasid syariah juga boleh diertikan sebagai matlamat yang ditetapkan oleh syariah bagi mewujudkan kemaslahatan untuk hambanya.

4. al-Ghazalî (1993) mentakrifkan *maqasid syari'ah* sebagai tujuan syarak yang hendak dicapai daripada manusia ada lima perkara iaitu menjaga agama, jiwa, akal, keturunan dan harta mereka atau disebut *usul al-khams*.

Oleh itu, dapat difahami bahawa *maqasid syariah* merujuk kepada matlamat, tujuan, makna, hikmah pensyariatan hukum serta rahsia-rahsia yang terkandung di dalam hukum yang telah diturunkan bagi menjaga kemaslahatan dan kemudaran kehidupan manusia sama ada di dunia atau di akhirat. Selain itu, kepentingan memahami dan mempelajari *maqasid syariah* adalah untuk melahirkan kefahaman fiqh yang betul dan bukan yang memahami secara kebiasaannya. Juga dapat dilihat bahawa *maqasid syariah* mempunyai nilai-nilai yang terkandung di dalam al-Qur'an dan Sunnah Nabi SAW. Dengan adanya nilai-nilai ini, ulama-ulama telah berijtihad bagi menyelesaikan sesuatu masalah dengan berhati-hati.

Maqasid Syariah terbahagi kepada tiga bahagian berdasarkan dilihat dari kepentingannya kepada umat manusia (al-Zuhayli 1995):

1. *Daruriyyah* merupakan sesuatu perkara yang diperlukan oleh manusia. Sekiranya tidak dijaga atas keperluan kehidupan manusia pasti akan membawa kerosakan perjalanan hidup di dunia dan mendapat balasan di akhirat. *Daruriyyah* diletakkan pada kedudukan yang utama. Terdapat lima perkara yang terdapat di dalam daruriyyat iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.
2. *Hajiyah* ialah sesuatu yang diperlukan untuk memberi kemudahan kepada manusia dan menghilangkan kesulitan. Ketiadaan maslahah *hajiyah* tidak sampai menjadikan hukum atau undang-undang menjadi tidak teratur dalam kehidupan manusia seperti di dalam maslahah *daruriyyah*. Tetapi hanya mendekatkan kepada kesukaran.
3. *Tahsiniyyah* (kesempurnaan) ialah menjadikan keadaan manusia selari dan bersesuaian dengan nilai adab-adab dan akhlak yang tinggi. Ketiadaan maslahah ini tidaklah menjadikan tidak teratur atau terganggu seperti mana dalam maslahah *daruriyyat* dan tidak pula menjadikan kesukaran dalam kehidupan mereka seperti mana berlaku di dalam maslahah *hajiyah*. Tetapi ini akan bertentangan dengan menjaga maruah, nilai-nilai kemuliaan akhlak dan fitrah yang baik (Zaydan 2009).

Maqasid Syariah Tuntutan Hak Syarak Isteri ke Atas Caruman KWSP Suami

Agama Islam meletakkan setiap perkara itu ada hak-hak yang perlu dijaga dan dilaksanakan. Sebagai contoh, ketika berlaku perselisihan antara suami isteri yang membawa kepada kemudaran, agama Islam menyediakan beberapa kaedah supaya kedua-dua pasangan tidak teraniaya seperti fasakh, taklik, khulu' dan sebagainya. Jika suami gagal melaksanakan tanggungjawabnya, isteri mempunyai hak yang boleh dituntut seperti mana yang telah ditetapkan oleh Allah SWT di dalam al-Qur'an. Antara hak itu adalah nafkah, hutang, hak keutamaan dalam menjaga anak atau boleh disebut sebagai hadanah dan mutaah (Misnida Gusni, Nurreha Bajuri & Kamarul Azmi Jasmi 2012; Suwaid Tapah 2003).

Memelihara Harta

Menjaga dan memelihara harta masyarakat daripada penggunaan harta dengan cara yang salah dan dilarang (Ibn Asyur 2001). Ini kerana sifat semua jadi manusia yang tidak akan pernah lari daripada cinta kepada harta dan kekayaan. Dalam usaha mencari harta, manusia akan melakukan apa sahaja untuk memperolehi harta. Firman Allah SWT (al-Qur'an al-Kahfi 18:46):

الْمَالُ وَالْأَبْنَوْنَ زِيَّةُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا

Maksudnya: "Harta dan anak-anak adalah perhiasan dunia"

Dalam ayat ini, Allah SWT menyuruh untuk mengutamakanNya, beribadah kepadaNya daripada sibuk mencari harta benda dan berkasih sayang bersama keluarganya sehingga mengabaikan atau lupa kepada Allah SWT (Ibn Kathir 2013).

1. Keadilan kepada kedua-dua pihak

Pada umumnya, caruman KWSP ini merupakan milik individu kerana hasil caruman itu terhasil daripada caruman pekerja dan majikan itu sendiri (Suwaid 2003). Perlu diingat bahawa harta seperti caruman KWSP ini merupakan harta yang berbentuk simpanan yang mana simpanan itu tidak sampai separuh daripada harta yang diperoleh semasa perkahwinan (Suwaid 2010). Keadaan ini bertepatan dengan perintah Allah SWT yang melarang hambanya mengambil atau menggunakan hak orang lain dengan cara yang salah bersandarkan firmanNya (Al- Quran, al-Baqarah 2:188):

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُنْذِلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَمِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِإِلْمٍ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya: "Dan janganlah kamu memakan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau memakan) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui."

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa Allah SWT melarang manusia mengambil harta orang lain dengan menggunakan pelbagai tipu muslihat sedangkan dia mengetahui bahawa harta yang dimiliki itu bukan miliknya (Ibn Kathir 2013). Agama Islam sangat menjaga hak umatnya terutama dalam hak individu yang tidak boleh dimiliki dan ambil orang lain seperti caruman KWSP. Ini kerana caruman KWSP merupakan hak individu yang mencarum sepenuhnya.

Namun begitu, tuntutan ke atas kepemilikan harta ini dibolehkan dalam konteks rumah tangga yang hanya tuntutan itu sebahagian haknya yang gagal diberikan semasa tempoh perkahwinan kerana ada sesetengah suami yang berpoligami sering mengabaikan tanggungjawabnya kepada isteri yang terdahulu seperti tidak memberi nafkah (Suhaida Abu Bakar 2010). Apatah lagi jika suami tidak memiliki harta sepanjang tempoh perkahwinan

kecuali caruman KWSP (Suwaid 2003; 2010) yang akan menyukarkan lagi pemberian nafkah yang cukup kepada isteri.

Walau bagaimanapun, itu bukan alasan untuk mengabaikan tanggungjawabnya kerana nafkah itu adalah kewajipan suami ke atas isteri (Mustafa al-Bugha 2013). Ini dapat dilihat berdasarkan firman Allah SWT:

وَالْوَلِدُتُ يُرْضِعُنَ أَوْلَادُهُنَ حَوَّاًنِ كَامِلِينَ لَمْنَ أَرَادَ أَنْ يُتَمَ الْرَّضَاعَةَ وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَ وَكَسْوَهُنَ بِالْمَعْرُوفِ

Maksudnya, ‘Para ibu hendaklah menyusukan anak-anaknya selama dua tahun penuh, iaitu bagi yang ingin menyempurnakan penyusuan. Dan kewajipan ayah memberikan makan dan pakaian kepada para ibu dengan cara yang makruf’ (al-Baqarah 2: 233)

Ayat di atas menjelaskan bahawa tempoh penyusuan bagi seorang anak sekurang-kurangnya dua tahun dan menjadi kewajipan suami memberi nafkah serta pakaian kepada isteri yang sedang menyusukan anaknya mengikut kebiasaan yang berlaku di negeri masing-masing mengikut kemampuan dirinya (Ibn Kathir 2013).

Apabila seseorang isteri yang telah diceraikan oleh suaminya, maka isteri itu mempunyai hak untuk memperoleh nafkah semasa iddah (al-Marghinani 2008) dan berhak mengemukakan tuntutan hak syaraknya jika bekas suami gagal melunaskan nafkah tersebut selepas perkahwinan seperti yang berlaku di dalam kes *Rasnah binti Ariffin lwn. Shafri bin Khalid* 15 [2000] 2 JH 189. Di dalam kes ini pihak defendant tidak memberi nafkah kepada pihak plaintiff dari tahun 1998. Pihak plaintiff telah mengemukakan tuntutan nafkah RM 400 sebulan. Keputusan mahkamah telah memerintahkan supaya pihak plaintiff membayar sebanyak RM 300 sebulan.

Selain tuntutan nafkah, mutaah adalah antara yang boleh dituntut oleh isteri berdasarkan kes *Masiran bin Saadali lwn. Azizah binti Abd. Rahman* 16 [2011] 1 JH 33. Dalam kes ini, plaintiff dan defenden berkahwin pada tahun 1998 dan telah disahkan bercerai pada tahun 2000. Pihak defendant mengemukakan tuntutan mutaah sebanyak RM 21,600.00 dan nafkah idah. Keputusan kes ini, pihak mahkamah telah memutuskan pihak plaintiff perlu membayar tuntutan mutaah sebanyak RM 10,000.00 secara ansuran sebanyak RM 150 dan RM 1,000.00 untuk nafkah idah.

Perlu ditekankan bahawa nafkah yang tidak dibayar akan menjadi hutang bagi suami kepada isteri (JKSNPP 2021) kerana ia merupakan hak yang sepatutnya diberikan kepada isteri semasa dalam perkahwinan. Sekiranya caruman KWSP ini sering dijadikan sebagai harta yang direbutkan sama ada di Mahkamah Syariah maupun sivil, pihak KWSP dengan kuasa budi bicara boleh menasihati pencarum supaya menyelesaikan segala tuntutan apabila tiba tempoh masa yang dibenarkan untuk mengeluarkan caruman tersebut dengan perintah mahkamah (Suwaid 2003). Perintah ini boleh dilihat berdasarkan kes *SSMY lwn MBO* [Kes Mal bil: 10007-023-0236-2018]. Dalam kes ini, pihak defendant menuntut tunggakan nafkah anak sebanyak RM 79,600.00. Hakim memerintahkan pihak defendant membayar tunggakan nafkah sebanyak RM 700.00 sebulan dan bakinya dibayar penuh selepas pihak defendant mengeluarkan wang caruman KWSP.

Berdasarkan dengan apa yang telah diperintahkan oleh Allah SWT, jelas Islam sangat menjaga hak hambanya dengan adil serta menentang pengabaian tanggungjawab suami kepada

isteri. Islam juga telah menetapkan garis panduan yang betul bagi mengelakkan umatnya mengambil mudah tanggungjawab yang telah diamanahkan. Melalui tuntutan ini, hak suami isteri akan sentiasa terjaga daripada sebarang unsur kezaliman.

1. Membantu sosioekonomi isteri

Dalam keadaan ekonomi yang semakin berkembang maju, sedikit sebanyak memberi kesan apabila seorang suami tidak menunaikan hak yang sepatutnya diperolehi oleh seseorang isteri yang telah diceraikan. Antara kesan kepada bekas isteri itu adalah di mana keadaannya yang tidak mempunyai bekalan dari segi kewangan atau harta untuk memulakan kehidupan yang baru serta kekurangan sumber kewangan untuk menanggung kos perbelanjaan harian.

Selain itu, tuntutan nafkah anak daripada bekas suami amat penting bagi memastikan kelangsungan hidup anak tersebut. Ini menjadi salah satu cabaran bagi ibu tunggal untuk membesar anaknya yang pada dasarnya tugas ini perlu dilakukan secara bersama antara suami isteri (Siti Marziah, Noremy, Nur Diyanah & Nurul Shafini 2018).

Tuntutan ini tidak bercanggah dengan Akta/Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam, contohnya, seksyen 72, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303) memperuntukkan: “adalah menjadi kewajipan seseorang lelaki menanggung nafkah anaknya, sama ada anak itu berada dalam jagaannya atau dalam jagaan seseorang yang lain, sama ada dengan mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan dan taraf kehidupannya atau dengan bayaran kosnya.”

Peruntukan ini juga dikuatkan dengan bidang kuasa Mahkamah Syariah di bawah Seksyen 73, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 yang menetapkan bahawa: “Mahkamah boleh pada bila-bila masa memerintahkan seorang lelaki membayar nafkah untuk faedah mana-mana anaknya:

- a. jika dia telah enggan atau cuai mengadakan peruntukan dengan munasabah bagi anaknya itu;
- b. jika dia telah meninggalkan langsung isterinya dan anaknya itu adalah dalam jagaan isterinya;”

Justeru itu, tuntutan ke atas caruman KWSP suami oleh isteri terhadap sebahagian hak isteri yang tidak dilaksanakan oleh suami, dapat mengurangkan beban isteri bagi memulakan kehidupannya yang baru.

Memelihara Nyawa

Hifz al-Nafs adalah memelihara diri dan masyarakat daripada menjerumuskan diri kepada kebinasaan kerana kehidupan di bumi ini terdiri daripada pelbagai bangsa dan negara (Ibn Asyur 2001). Agama Islam sangat mengambil berat tentang kehidupan umatnya dengan cara sentiasa memberi peringatan agar sentiasa menjaga kehidupan dan nyawa yang telah diamanahkan oleh Allah SWT. Sebagaimana firman Allah SWT:

وَأَنْفُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُنْفِوا بِإِيمَانِكُمْ إِلَى التَّهْكِمِ

Maksudnya: “Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (mempertahankan) Agama Allah (Islam), dan janganlah kamu sengaja melemparkan diri kamu ke dalam kebinasaan (dengan bersikap bakhil) (al-Baqarah 2:195).

Ayat ini menjelaskan bahawa seseorang manusia itu wajib mencari sumber (nafkah) supaya tidak mendekatkan diri mereka kepada kehancuran iaitu lapar, dahaga atau keletihan di dalam perjalanan (Ibn Kathir 2013). Allah SWT juga memperingatkan dalam surah yang lain:

وَلَا تُقْتِلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ

Maksudnya: “Dan janganlah kamu membunuh diri yang diharamkan Allah membunuhnya kecuali dengan alasan yang benar” (al-Isra 14:33).

Ayat di atas menjelaskan bahawa Allah SWT milarang manusia daripada membunuh diri dan membunuh manusia yang lain kecuali pembunuhan yang dibenarkan oleh syarak seperti orang Islam yang keluar daripada Islam (Ibn Kathir 2013). Kemudaratan ini seharusnya diatasi berdasarkan satu kaedah fiqh menyatakan:

الضرر يزال

Maksudnya: Kemudaratan itu mesti dihalang (al-Suyuti 1998).

Keadaan ini dapat dilihat apabila suami mengabaikan tanggungjawabnya seperti tidak memberikan nafkah kepada isteri yang mendatangkan kesan buruk kepada emosi seorang isteri seperti yang berlaku di dalam kes *Maisarah Binti Ali lwn Mohd Syariffuddin Bin Abd Halim* [Kes Mal Bil: 01007-014-0122-2017]. Dalam kes ini, pihak plaintiff telah mengemukakan tuntutan fasakh kepada defendant di Mahkamah Rendah Syariah Pontian. Fakta kes ini, plaintiff dan defendant telah berkahwin pada 11 November 2016 dan tidak dikurniakan anak. Setelah berkahwin, pihak defendant telah meninggalkan pihak plaintiff selama 4 bulan tanpa nafkah zahir dan batin. Pihak defendant telah berhutang dan kesemua hutang tersebut ditanggung oleh pihak plaintiff untuk melunaskan hutang tersebut.

Kesan daripada tindakan pihak defendant telah menyebabkan pihak plaintiff mengalami tekanan emosi yang sangat kuat (*stress*) kerana sepanjang perkahwinan dengan pihak defendant tidak memajukan ekonomi rumah tangga mereka serta menyerahkan semua perbelanjaan harian kepada pihak plaintiff. Keadaan ini semakin buruk apabila pihak defendant telah meninggalkan pihak plaintiff sejak Januari 2017 tanpa nafkah.

Setelah pihak mahkamah mendengar rayuan dan hujah daripada pihak plaintiff, mahkamah menerima tuntutan fasakh daripada pihak plaintiff. Mahkamah juga berpendapat tindakan pihak defendant yang cuai dalam menjalankan tanggungjawabnya dalam menyediakan nafkah selepas berkahwin dan menghilangkan diri telah menyakiti kehidupan plaintiff dan menyebabkan plaintiff menderita serta memberikan kesan negatif kepada emosi plaintiff.

Masalah semakin bertambah besar apabila suaminya menceraikan sedangkan isteri tidak mempunyai sumber kewangan. Keadaan ini memberi kesan kepada gangguan emosi terhadap isteri kerana semua tanggungjawab itu terletak dibahunya seorang tanpa bantuan sesiapa seperti kepenatan mencari sumber kewangan (Zanariah 2019).

Sebagai contoh, di Sabah, terdapat sebanyak 86 ribu ibu tunggal berada pada tahap kesukaran ekonomi yang tinggi. Hal ini menyebabkan mereka telah mengalami tekanan emosi dan seramai 85 ribu orang telah direkodkan. Selain itu, faktor kemurungan yang telah berlaku di kalangan ibu tunggal harus di ambil perhatian kerana kadar minimum yang telah direkodkan adalah sebanyak 219 ibu tunggal. Keadaan ini terjadi kerana mereka merasai kesukaran menyediakan makanan dan keperluan untuk anak-anak mereka serta kebimbangan masa depan mereka (Ananglangka 2018).

Situasi ini mesti dihalang supaya tidak mendatangkan kesan yang lagi buruk kepada isteri bertepatan dengan apa yang diajarkan oleh Nabi SAW melarang umatnya mendekatkan diri kepada kemudarat berdasarkan hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Ubadah Ibn as-Samit, Nabi Muhammad SAW bersabda:

أَنْ لَا ضَرَارٌ وَلَا ضَرْرٌ

Maksudnya: Tidak ada mudarat dan tidak boleh membuat kemudarat (*Sunan Ibn Majah*, 230 kitab al-ahkam, bab man bana fi hakkhi ma yaduru bijarihi)

Berdasarkan ayat al-Quran dan hadis diatas sudah jelas bahawa menjaga nyawa dan diri yang sangat ditekankan oleh agama Islam. Dengan tuntutan ini, sedikit sebanyak dapat menjauhkan isteri daripada perkara yang lebih buruk dengan keadaan ekonomi yang semakin tinggi.

Kesimpulan

Islam adalah agama yang sangat mengambil berat tentang masalah yang dihadapi oleh umatnya kerana setiap hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT adalah bertujuan untuk menjaga kemaslahatan termasuklah masalah yang berkaitan dengan isu tuntutan caruman wang KWSP. Oleh itu beberapa keadaan perlu dititik beratkan seperti seorang suri rumah yang tidak bekerja serta tidak memiliki apa-apa aset sebelum berkahwin atau tidak mendapat haknya semasa tempoh perkahwinan kerana suaminya tidak memperolehi sebarang harta kecuali caruman KWSP menyebabkan kehidupan dirinya akan terjejas.

Justeru itu, jelas bahawa isteri tidak mempunyai hak terhadap caruman KWSP dalam konteks harta sepencarian. Walau bagaimanapun, ‘hak syarak isteri’ dari segi hutang, nafkah dan mutaah yang belum dilunaskan oleh suami boleh dituntut supaya dapat diselesaikan dengan baik. Tuntutan caruman KWSP dalam situasi seperti ini wajar dikemukakan supaya hak isteri terpelihara melalui keadilan berdasarkan konsep *maqasid syariah* iaitu menjaga nyawa dan harta. Namun begitu pihak isteri mesti menunggu sehingga tempoh masa yang telah ditetapkan oleh pihak KWSP. Pihak yang bertanggungjawab harus mengkaji semula peruntukan-peruntukan dalam Akta KWSP 1991 bagi memudahkan tuntutan caruman wang KWSP untuk situasi seperti di atas. kerana peruntukan sedia ada tidak memperuntukkan pengeluaran untuk tujuan ini.

Rujukan

- Al-Quran Al-Karim.
- Abdullah Abu Mat Suaud. 2013. *Hakmu Muslimah: Menurut Undang-Undang Islam serta Pelaksanaannya di Mahkamah Syariah*. Bandar Baru Bangi: Penerbit Awal Hijrah Enterprise
- Md Yazid Ahmad, Nor Faizah Zakaria, Ezad Azraai Jamsari, Mohd Izhar Arif Mohd Kashim, Nurul Ilyana Muhd Adnan, Norsafuan Che Noh. 2020. Significance of Provision for Harta Sepencarian in Polygamy in Islamic Family Law of Malaysia. *International Journal of Advanced Research (IJAR)* 8(8): 1155-1160.
- Ibn Kathir. Abu Al-Fida Ismail Ibn Umar Ibn Kathir. 2013. *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Kaherah: al-Maktabah al-Taufiqiyah.
- Abu Ishaq, Syatibi. 2006M/1427H. *al-Muwafaqat fi al Usul al-Syari'ah*. Kaherah: Dar al Hadith.
- Ibn Asyur, Muhammad Tahir. 2001M/1431H. *Maqasid al-Syari'ah al-Islamiyah*. Amman: Dar al-Nafais.
- Ibn Manzur, Abu al-Fadl Jamal al-Din Muhammad Ibn Mukarram. 1985M. *Lisan al-'Arab*. Iran: Adab al-Hauzah.
- Ananglangka Mad Kassim. 2018. Stress, Kecelaruan Mental dan Strategi Daya Tindak Dalam Kalangam Ibu Tunggal Etnik Bajau Sabah. *Symposium Wanita dan Kesejahteraan Insan*, hlm 74-113.
- al-Bugha, Mustafa. 2013. *al-Fiqh al-Manhaji 'ala Mazhab al-Imam al-Syafi'i*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Bahagian Penyelidikan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. T.th. Hukum Menjadikan Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Sebagai Harta Sepencarian. *Jurnal Penyelidikan Islam* 51-68.
- Ibrahim Lembut. 2007. Kaedah dan Keseragaman Pembahagian Harta Sepencarian dalam Harta Pusaka. *Konvensyen Pewarisan Harta Islam*. Kuala Lumpur: Amanah Raya Berhad.
- Ibrahim Lembut. 2010. Harta Sepencarian : Konsep dan Amalan. *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Perancangan & Pengurusan Harta dalam Islam*,
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2013. *Fatwa Isu-Isu Munakahat : Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Malaysia*. W.P Putrajaya : Penerbit Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang (JKSNPP). 2021 Hak Wanita Selepas Bercerai <http://jksnpp.penang.gov.my/index.php/18-penerbitan-mahkamah/86-hak-wanita-selepas-percerayaan> [14 Januari 2021]
- KWSP. 2001. *Dahulu Kini Esok*. Kuala Lumpur: Penerbit Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.
- KWSP. 2021. Semua Tentang Tanggungjawab Anda. <https://www.kwsp.gov.my/ms/employee/contribution/all-about-your-responsibility> [14 Januari 2021]
- Khalil al- Jur. 1973M. *al-Mu'jam al-'Arabi al-Hadith Larus*. Paris: Maktabah Larus.
- Misnida Gusni, Nurreha Bajuri & Kamarul Azmi Jasmi. 2012. Status Undang-Undang Wanita Dalam Islam. *Prosiding Seminar Tamadun*, hlm 1-22
- al-Nawawi, Muhyiddin Abu Zakariyya Yahya Ibn Syaraf .1991M/1412H. *Raudhah al-Thalibin wa Umdah al-Muftin*. Beirut: al-Maktabah al-Islamiyyah.

- al-Marghinani, Burhan al-Din Abu l-Hasan ‘Ali. 2008. *al-Hidayah Syarh Bidayah al Mubtadi*. Qaherah: Dar al-Hadith
- al-Raysuni, Ahmad. 2014M/1435H. *al-Fikr al-Maqsidy Qawaṣidy Wa Fawaṣidy*. Kaherah: Dar al-Kalimah.
- al-Sharbini, Shams al-Din Muhammad Ibn al-Khatib. 1997. *Mughni al-Muhtaj ila Ma’rifah Maani al-Fazh al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Ma’rifah.
- Siti Marziah Zakariah, Noremy Md Akhir ,Nur Diyanah Hidayat & Nurul Shafini Shaurdin. 2018. Isu dan Keperluan Ibu Tunggal di Lembah Klang :Kajian Kualitatif. Kertas kerja ditulis hasil kajian Geran Kursi Kepimpinan Wanita, Pusat Kepimpinan Wanita, UKM. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. 1 Febuari 2018 – 31 Januari 2019.
- Suhaida Abu Bakar. 2010. Penamaan dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Tabung Haji (TH) : Satu kajian menurut Undang –Undang Islam. Disertasi Ijazah Sarjana Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Suyuti, Jalal al-Din Abd Rahman Ibn Abu Bakr. 1998. *al-Ashbah wa al-Nazair fi Qawa’id wa Furu’ Fiqh al-Shafi’iyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah,
- Suwaid Tapah. 2010. Pengurusan Harta Perkahwinan-Harta Sepencarian. *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Perancangan & Pengurusan Harta dalam Islam*, hlm. 168-175
- Suwaid Tapah. 2003. *Harta Spencarian dan Wang Simpanan KWSP : Suatu Perbincangan Sudut “Secara Tidak Langsung”*. *Jurnal Syariah* 11(2) 1-22.
- Zanariah Dimon. 2019. Darar Emosi Terhadap Isteri Dalam Perkahwinan Menurut Undang-Undang Di Malaysia. *Journal Of Muwafaqat* 2(1): 99-115.
- Zaydan, Abdul al-Karim. 2009M/1430H. *Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Mu’asasat Risalah
- Zaydan, Abdul al-Karim. 2002M/1423H. *Al-Madkhal li Dirasah al-Syariah al-Islamiyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah
- al-Zuhayli, Wahbah. 2014M/1435H. *Al-Wajiz fi al-Usul al-Fiqh*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu’asirah.
- al-Zuhayli Wahbah. 1416H/1995. *Al-Wajiz Fil al-Usul al-Fiqh*. Beirut: Dar al-Fikr al Mu asirah